

UUM/AA10/HM/3.9.2015/P.24(1-2)



Oleh **Md Shukri Shuib**

Malaysia model perangi gejala kemiskinan

Perjuangan kepimpinan negara membasmi kemiskinan di Malaysia amatlah jelas. Penegasan komitmen dan juga pencapaian agenda membasmi kemiskinan komuniti jelas terdapat menerusi ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak ketika amanat hari kebangsaan bersempena kemerdekaan negara ke-58 baru-baru ini.

Dunia kini masih bergelut dengan usaha pembasmian kemiskinan tegar. Ada negara yang sudah merdeka lama, tetapi wujud legasi 'gejala kemiskinan'. Bahkan dominasi golongan kaya ke atas hasil negara terlalu ketara dan membentuk jurang kaya dan miskin yang keterlaluan. Dibandingkan dengan beberapa negara jiran kita yang masih memerlukan banyak program dan inisiatif dasar pembangunan komuniti daif, Malaysia jauh lebih progresif.

Saya berani menyatakan secara ilmiahnya, kerajaan Malaysia antara beberapa kerajaan pentadbir negara di dunia yang begitu 'hiper-sensitif' bagi membasmi 'gejala kemiskinan'.

Di Malaysia, kerajaan jelas tidak berkehendakkan kepada miskin yang menjadi gejala dalam masyarakat. Sebab itu pelbagai dasar dan usaha serta pengkajian khusus dilakukan bertujuan membasmi kemiskinan supaya tidak menjadi polemik dalam masyarakat.

Cumanya kini Malaysia memasuki fasa 'pembaikan kos sara hidup' dan tidak lagi keterlaluan dasarnya dalam pembasmian kemiskinan seperti negara di awal kemerdekaan dulu. Inilah kejayaan terulung Malaysia. Dari sebuah negara ditinggalkan penjajah Eropah dengan kemiskinan di transformasikan kepada sebuah negara 'hiper-membangun'.

Pembangunan dalam konteks pengurusan negara di Malaysia, kerajaan mengutamakan aspek pembasmian kemiskinan ke paras paling ekstrem iaitu sifar peratus.

Dalam dunia yang masih ada di dalamnya masyarakat miskin tegar dan daif, di mana menurut Profesor Jeffrey Sachs yang juga pemegang pertama Kursi Prof Diraja Ungku Aziz di dalam bukunya bertajuk 'The End of Poverty: How we can make it happen in our lifetime', beliau memaparkan bahawa dalam dunia yang dihuni tujuh bilion penduduk, terdapat 1/6 daripadanya masih hidup merana dan daif.

Dianggarkan lima bilion penduduk dunia secara majoritinya tinggal di wilayah atau negara yang dikategorikan sebagai negara berpendapatan sederhana dan miskin.

Hanya segelintir manusia minoriti yang dikategorikan berada

dalam kelompok, mewah dan maju, terutama di negara Kesatuan Eropah serta negara maju lainnya seperti Jepun, Amerika Syarikat dan Kanada. Selebihnya masih berada di negara yang secara majoritinya mundur dan sedang bertungkus-lumus membangunkan diri dan negara.

Kesan penting peninggalan penjajah sebelum merdeka di kebanyakan negara dunia terjah dulunya ialah 'pusaka kemiskinan dan perpecahan'. Saya boleh menyatakan secara hipotesisnya, legasi dan jasa pihak Barat kepada majoriti masyarakat dunia yang menjadi polemik dunia sehingga ke abad 21 ini adalah kemunduran dan kemiskinan.

Berbanggallah pemimpin dan kerajaan di negara yang berjaya 'memulihkan' trauma kemusnahan ekonomi peninggalan penjajah kepada satu transformasi kemakmuran dan kejayaan. Malaysia adalah satu daripada negara di mana kerajaannya berjaya memajukan negara pasca kemerdekaan.

Mujurlah Malaysia dengan keprihatinan dan pemikiran strategik kepemimpinan kerajaan dan pembuat polisi serta peranan pentadbir awam dalam negara Islam ini, perhatian utama pembangunan disepadukan bagi memastikan pengisian kemerdekaan dilakukan dengan mengutamakan usaha membasmi kemiskinan.

Pembasmian kejahilan ilmu juga dijadikan asas dalam pembinaan negara pasca merdeka bagi mengubah pola sosio ekonomi rakyat. Ratusan bilion dibelanjakan bagi mengubah struktur masyarakat.

Kini dengan dasar tersebut, rakyat yang ibu bapanya miskin kini berjaya lahir sebagai generasi yang lebih berpendidikan dan mempunyai daya pekerjaan yang jauh lebih baik.

Pada 2015, kadar kemiskinan di Malaysia hanyalah pada kadar kurang daripada 0.6 peratus berbanding kurang lima peratus pada 2007. Pendapatan per kapita rakyat juga meningkat iaitu daripada AS\$350 pada 1957 kepada AS\$12,900 pada 2006 dan data terkini 2014 menunjukkan ia mencecah RM33,875.00.

Perjuangan kerajaan Malaysia yang tegar membasmi kemiskinan kini terbukti tepat. Agenda membasmi kemiskinan di kini menjadi agenda utama masyarakat antarabangsa menerusi pengwujudan Matlamat Pembangunan Milenium yang mensasarkan pembasmian kemiskinan menjelang 2015.

Penulis Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa Pusat Pengajian Antarabangsa UUM